



Sambutan Bulan Kebangsaan & Kibar Jalur Gemilang 2022



Sambutan Hari Kebangsaan 2022 besar-besaran selepas dua tahun disambut sederhana 50,000 bakal banjiri Dataran Merdeka

(31 OGOS 2022) KOSMO, PG

Oleh ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL

KUALA LUMPUR – Kira-kira 50,000 pengunjung bakal membanjiri Dataran Merdeka di sini hari ini bagi menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan ke-65 yang padat dengan pelbagai perarakan serta persembahan menarik daripada 25,000 peserta.

Orang ramai juga sudah tidak sabar menyaksikan sambutan berkenaan yang diadakan secara besar-besaran bagi memperingati tarikh keramat negara itu selepas dua tahun rakyat menyambutnya secara sederhana akibat pandemik Covid-19.

Acara akan dimulakan dengan ketibaan pemimpin negara sebelum keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Kemudian ia diteruskan dengan lintasan hormat pesawat yang membawa Jalur Gemilang serta tembakan 14 das meriam yang menjadi antara acara tradisi sempena sambutan Hari Kebangsaan di negara ini.

Antara kontinjen terlibat bagi acara perbarisan dan perarakan adalah melibatkan pasukan daripada pelbagai kementerian serta agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan swasta serta barisan anggota keselamatan.

Sambutan itu turut diserikan dengan pertunjukan jentera dan



PELBAGAI kementerian dan agensi kerajaan menghantar kontinjen masing-masing bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur hari ini. – MUHAMAD IQBAL ROSLI



PESAWAT Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) melewati ruang udara di Dataran Merdeka dalam sesi raptai penuh sambutan Hari Kebangsaan 2022 kelmarin.



ORANG ramai berpeluang melihat aset-aset milik Angkatan Tentera Malaysia sempena sambutan Hari Kebangsaan 2022 hari ini.

aset ketenteraan serta keselamatan negara selain persembahan muzikal yang menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan yang dikecapi negara sejak tahun 1957.

Segmen lain seperti lintasan kontinjen motosikal berkuasa besar, kontinjen Orang Asal dan diikuti dengan dua unit bas yang membawa wira dan wirawati sukan negara selain kereta vintage yang membawa tokoh tempatan dan selebriti serta diiringi kumpulan pancaragam.

Dalam pada itu, semua perkhidmatan rel merangkumi Transit Aliran Ringan (LRT), Aliran Transit Massa (MRT) dan Monorel akan beroperasi bermula pada pukul 4.30 pagi ini bagi

memudahkan pergerakan orang ramai yang ingin berkunjung ke Dataran Merdeka.

Kelmarin, Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa menjangkakan sambutan yang lebih meriah bakal diterima pada sambutan Hari Kebangsaan 2022 selepas dua tahun negara hanya menyambutnya secara sederhana akibat Covid-19.

"Nampaknya sambutan luar biasa, memang jelas, malah bilangan peserta dan aset ini adalah terbesar pernah kita lakukan termasuk sambutan orang ramai di semua peringkat," katanya selepas meninjau raptai penuh acara perbarisan dan perarakan di Dataran Merdeka kelmarin.